

BERITA HARIAN

DATE: 16 / 08 / 2007

Kontrak sosial tidak perlu dikaji: Dr M

PUTRAJAYA: Perjanjian dalam kontrak sosial tidak perlu dikaji semula kerana apa yang dipersetujui sebelum merdeka sudah cukup baik dan terbukti memberi keamanan dan kemakmuran kepada negara sehingga sekarang, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, kontrak sosial itu asas kepada kemerdekaan negara yang membolehkan pembangunan dilaksanakan dan jika diubah mungkin menyebabkan akibat tidak baik.

"Kalau kontrak sosial itu dikeluarkan maka, tidak ada maknanya lagi kerana ia asas kemerdekaan negara ini.

"Perjanjian itu ada kebaikannya kepada negara dan disebabkan perkara itu, rakyat berbilang kaum hidup aman dan negara berjaya dibangunkan," katanya pada sesi soal jawab dalam pertemuan bersama Majlis Prihatin Malaysia (Prima) di Yayasan Kepemimpinan Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir menjawab soalan peserta mengenai kenyataan Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru bahawa satu konsensus baru diperlukan bagi menyelesaikan isu sensitif seperti agama, kaum, pendidikan dan hak istimewa orang Melayu yang kini banyak dipertikaikan.

Muhyiddin berkata, walaupun isu itu diselesaikan dan dipersetujui pemimpin pengasas negara, generasi pasca merdeka tidak memahami asas persepikatan itu.